

## 10 Mahasiswa UMS Jayakan Program KPT-Huawei

Terakhir dikemaskini: Rabu, 23 Ogos 2017 17:52 | [Cetak](#) | Jumlah paparan: 297

[Kongsi 0](#)
[Syorkan 0](#)
[Kongsi](#)
[Tweet](#)
[Share](#)


**RABU, 23 OGOS –**  
Seramai 10 mahasiswa Universiti Malaysia Sabah (UMS) termasuk dalam 300 pelajar cemerlang universiti seluruh negara dijemput menyertai program KPT-Huawei, iaitu lawatan ke Huawei Innovation Centre di The

Intermark, Kuala Lumpur, baru-baru ini.

Kesemua mahasiswa UMS yang terlibat terdiri daripada pelajar Fakulti Perniagaan, Ekonomi dan Perakaunan (FPEP); Fakulti Kejuruteraan (FKJ); Fakulti Komputeran dan Informatik (FKI); dan Fakulti Sains dan Sumber Alam.

Program itu adalah salah satu inisiatif tanggungjawab sosial korporat syarikat telekomunikasi Huawei.

Pengarah Kanan Hubungan Korporat Huawei, Simon Ng berkata, lawatan itu bertujuan untuk memberi pendedahan kepada para pelajar cemerlang universiti di Malaysia sekali gus membantu meningkatkan bakat dan kemahiran dengan merasai pengalaman dan menyaksikan sendiri teknologi terkini keluaran Huawei.

Salah seorang mahasiswa UMS, Viliana Jainih berpendapat program tersebut sangat bermanfaat dan mampu meningkatkan pengetahuan khususnya berkaitan teknologi terkini dalam bidang telekomunikasi.

Dalam pada itu, Pengarah Pusat Jaringan Industri dan Komuniti (CICN), Prof. Madya Dr. Justin Sentian turut menyuarakan harapan agar program tersebut akan terus berkesinambungan pada setiap tahun.

Turut mengiringi mahasiswa adalah Timbalan Dekan (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni) CICN, Dr. Mohd Kamel Wan Ibrahim dan Timbalan Dekan (Akademik dan Hal Ehwal Pelajar) FKI, Dr. Zamhar Iswandono Awang Ismail.